



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 2 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JKM CARI WARIS IMAN, RIZKY		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1192245/jkm-cari-waris-iman-rizky	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1367377/jkm-cari-waris-demi-masa-depan-dua-budak-lelaki	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	GOVT ENHANCES EDUCATION AID FOR CHILDREN OF DISABLED VETERANS		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1182112/govt-enhances-education-aid-children-disabled-veterans	NST.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-terus-bela-nasib-veteran-atm-adly-510681	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2397899	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/govt-committed-to-safeguarding-welfare-well-being-of-atm-veterans-adly-FB13749851	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	AHMAD ZAHID LANCAR GARIS PANDUAN KAMPUS INKLUSIF OKU UM		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/ahmad-zahid-lancar-garis-panduan-kampus-inklusif-oku-um/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1367442/ahmad-zahid-lancar-garis-panduan-kampus-inklusif-oku-um	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	OKU PENGLIHATAN DESAK KEMUDAHAN LEBIH MESRA DI LRT, KAWASAN AWAM		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/715424/edisi/selangor-kl/oku-penglihatan-desak-kemudahan-lebih-mesra-di-lrt-kawasan-awam	SINARHARIAN.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PERKASA STRATEGI PENGLIBATAN WANITA DALAM SOSIAL, EKONOMI, POLITIK		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/01/perkasa-strategi-penglibatan-wanita-dalam-sosial-ekonomi-politik	UTUSANBORNEO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : DUA-DUA ADA SIJIL LAHIR

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 2 MAC 2025

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Tampin

Ditinggalkan ibu bapa kandung sejak 12 tahun lalu. Itulah nasib malang dua kanak-kanak, Muhammad Iman Haikal Abdullah, 12, dan Mohamad Rizky Shafrin Khan Abdullah, 12.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Tampin, Tuan Dandan Tuan Sulong berkata, usaha dilakukan bagi mengesan waris kanak-kanak terbabit bagi membantu mahkamah membuat keputusan terbaik demi masa depan kanak-kanak terbabit.

"Salah seorang kanak-kanak itu, Muhammad Iman Haikal dirujuk ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Tampin yang mana dia dijaga suami isteri, Anuar Idris dan Maziah Khalilah Mustapha sejak kanak-kanak ini masih bayi pada 2012.

"Ibu kandung kanak-kanak itu dikenali sebagai Zuraidah Zulkfly dan memiliki alamat terakhir di Jalan Sungai Yu, Kampung Kelanang, Banting, Selangor. Muhammad Iman mempunyai sijil lahir sewaktu diserahkan kepada penjaga," katanya.

Beliau berkata, Mohamad Rizky Shafrin Khan



MOHAMAD Rizky Shafrin

MUHAMMAD Iman Haikal

DUA-DUA ADA SIJIL LAHIR

JKM kesan waris dua budak bagi membantu mahkamah buat keputusan terbaik

pula dijaga penjaga bernama Zureda Jamaludin sejak kanak-kanak berusia dua tahun pada 2014.

"Ibu kandungnya bernama Sharina Mohd Yusof pernah tinggal di Flat Sri Sarawak, Jalan Kenanga, Kuala Lumpur. Kanak-kanak mempunyai sijil lahir sewaktu diserahkan kepada penjaga," katanya.

Jelasnya, Perintah Jagaan Sementara mengikut Seks-

yen 19 (2) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu meletakkan kedua-dua kanak-kanak ini dalam pemeliharaan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS) dimohon pada 3 Januari lalu.

"Penjaga masing-masing sebagai OYLS menguruskan permohonan MyKad bagi kanak-kanak dan kini kanak-kanak sudah memiliki kad pengenalan," katanya.

Justeru katanya, Pelin-

dung JKM, Nur Shahirah Mohd Nor Azlan kini dalam usaha mengesan ibu kandung atau waris kepada kanak-kanak terbabit.

"Sehubungan itu, kami mengalu-alukan waris atau mana-mana individu yang mempunyai maklumat mengenai ibu kandung atau waris kanak-kanak untuk menghubungi Pelindung di talian 06-4411646," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	DO YOU KNOW WHERE YOUR CHILD IS RIGHT NOW?		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	SUNDAY STAR
TARIKH :	2 MAC 2025	M/SURAT :	06
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM



Do you know where your child is right now?

IT'S a troubling statistic: There was a 36% increase in the number of missing person cases involving children under 18 last year compared with 2023.

And that is mostly among those aged 13 to 15, according to the police.

There are names behind the numbers: Among them were Tan Joon Tien, 14, who went missing on Dec 28 in Cameron Highlands; Yap Xin Yuan, 15, who went missing on Dec 24 in Cheras, Kuala Lumpur; and Noor Amni Nazaranee, 14, who disappeared on Jan 9 in Puchong, Selangor.

The good news is that Joon Tien and Noor Amni were found alive and unharmed.

Tragically, Xin Yuan was found dead in a river in Banting, Selangor, on Dec 28.

Almost 14,000 children have been reported missing since 2014. But 98% of these cases have been

resolved with the children found alive.

To quote the police, "Out of 13,779 cases, 13,726 were found alive, with the remaining deceased".

So that means 53 children died after going missing from their homes and families.

One dead child is one too many.

That is why, although it's great that most of the cases could be closed with the children found alive, we must address the issue of children going missing in the first place, because the numbers are increasing and each missing child is at high risk of coming to harm.

Unlike in countries like Colombia and Mexico, children aren't often kidnapped in Malaysia.

According to the police, a lot of the time, missing children here have run away from home in search of freedom or to avoid

family problems.

Some fall victim to crime – increasingly, these are scams encountered online where most children live nowadays – and, of course, there are also accidents as well as the consequences of mental health issues.

Conventional wisdom that says most of "these young people today" run away to be with a significant other is not true, according to the police.

It all seems to come down to parenting.

While not much can be done about accidents outside the home, and only vigilance can be emphasised when it comes to known mental health issues, our relationships with our children can be something we work on.

According to experts, misunderstandings between parents and children, family stress, neglect, abuse, and feelings of

being misunderstood are what drive children and teens away from the safety of home.

When it's a case of a toxic or abusive home environment, it falls to the community – the neighbourhood, the school, other family members and friends – to reach out to help affected children.

But sometimes it's authoritarian parenting – characterised by strict rules, excessive control, and unrealistic expectations – that sends a child fleeing.

Respect for parents appears to be ingrained among Asians, but parents must also respect their teen children and recognise that they are independent individuals with their own feelings and opinions.

And then there's social media. The rise in social media use among children has been linked to the increasing number of run-

away cases.

The combination of a lack of education and parental supervision heightens their vulnerabilities, especially as they compare their lives to idealised lives portrayed online without realising that a lot of that is fake.

Parents need to be vigilant and proactive in educating their children about the dangers of social media and online interactions.

That can only happen if there is communication between children and parents.

Shutting down a curious teenager exploring the world is a sure-fire way to make that teen feel trapped and in need of freedom.

Build a relationship with your children so you know how they are feeling, so you can notice changes in behaviour that could be dangerous, and so you would never have to file a missing child police report.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	'KEBAJIKAN PENDIDIKAN ANAK VETERAN ATM TERUS TERBELA'		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	BERITA HARIAN AHAD
TARIKH :	2 MAC 2025	M/SURAT :	14
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

'Kebajikan, pendidikan anak veteran ATM terus terbela'

Alor Setar: Kerajaan terus membela nasib veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang hilang upaya akibat kecederaan ketika bertugas bagi memastikan nasib anak mereka tidak terabal.

Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari, berkata kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) memahami situasi mereka yang tidak lagi mampu bekerja dan sukar menyara keluarga, terutama bagi menampung perbelanjaan pendidikan anak pada peringkat tinggi.

"Kerajaan amat menghargai jasa dan pengorbanan veteran ATM. Justeru, Kementerian Pertahanan melalui JHEV menambah baik beberapa faedah antaranya membiakan pendidikan anak veteran. Julat Elaun Pelajaran Anak-Anak Penerima Pencen Hilang Upaya turut dinaikkan daripada RM200 hingga RM685 setahun kepada RM1,600 hingga RM5,400 setahun mengikut tahap pendidikan.

"Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 700 ke 800 peratus daripada kadar sebelum ini, apa sahaja kecederaan dialami mereka ketika bertugas, kerajaan perlu mengambil tanggungjawab sama ada terhadap veteran itu sendiri, keluarga mereka serta memastikan pendidikan anak mereka terjaga," katanya selepas Majlis Penyampaian Gajaran Hilang Upaya Veteran ATM Kedah, di sini, semalam.

Pada majlis itu, 34 veteran ATM yang cedera ketika melaksanakan operasi atau menjalani latihan berisiko tinggi menerima faedah Gajaran Hilang Upaya (GHU) serta lapang penerima terdiri daripada anak veteran menerima sumbangan komputer riba.

Adly berkata, pemberian GHU kepada lebih 1,800 veteran ATM yang sepatutnya diselesaikan sebelum Ramadan, akan diselesaikan sebelum Aidilfitri berikutan beberapa kekangan dihadapi, terutama di Sabah dan Sarawak.

Sementara itu, Aishah Humairah Abd Rahim, 19, pelajar Diploma Ukur Bangunan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seri Iskandar, Perak yang menerima bantuan komputer riba berterima kasih atas sumbangan diberikan walaupun bapanya, Abd Rahim Mat Isa meninggal dunia pada 2023 akibat serangan jantung ketika berusia 63 tahun.

"Terima kasih kerana memberi sumbangan komputer riba kepada anak veteran tentera dan ini sudah pastinya dapat membantu kami yang kebanyakannya masih belajar. Komputer riba ini saya akan beri kepada kakak kerana dia lebih memerlukan dan sedang menyambut pengajian Ijazah Sarjana Muda di UiTM Puncak Alam," katanya.

BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : ADLY: GOVT WILL NOT NEGLECT DISABLED VETERANS

HARI : AHAD

AKHBAR : SUNDAY STAR

TARIKH : 2 MAC 2025

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Adly: Govt will not neglect disabled veterans

ALOR SETAR: The government remains committed to safeguarding the welfare and well-being of Malaysian Armed Forces (ATM) veterans who sustained disabilities while on duty, ensuring that their children are not neglected, says Deputy Defence Minister Adly Zahari.

He stated that the government, through the ATM Veterans Affairs Department (JHEV), acknowledges the challenges faced by veterans who can no longer work due to service-related injuries, particularly in supporting their families and financing their children's higher education.

"The government deeply values the sacrifices of ATM veterans. As such, the Defence Ministry, through JHEV, has enhanced several benefits, including educational assistance for veterans' children.

"The education allowance for children of disabled pension recipients has been significantly increased from RM200-RM685 per year to RM1,600-RM5,400 per year, depending on the level of education.

"This marks an increase of 700% to 800% from the previous rate. Regardless of the injuries sustained in service, the government must uphold its responsibility to these veterans and their



Community gathering: Adly (right) launching Skuad Rahmah Ramadhan in conjunction with a hiking programme to Gunung Keriang in Alor Setar. — Bernama

families, ensuring that their children's education is not compromised," he said after the Kedah ATM veterans' disability compensation (GHU) presentation ceremony yesterday.

During the ceremony, 34 ATM veterans who sustained injuries during operations or high-risk training received GHU benefits, while eight recipients, comprising

veterans' children, were presented with laptops.

Adly added that the distribution of GHU benefits to more than 1,800 ATM veterans, originally scheduled for completion before Ramadan, will now be finalised before Aidilfitri due to logistical challenges, particularly in Sabah and Sarawak, reported Bernama.

Corporal (Rtd) Abd Razak Saad,

66, from Sungai Petani, who lost his left foot during Ops Gubir in 1986, expressed his appreciation to the ministry for continuing to support veterans injured in the line of duty.

Aishah Humairah Abd Rahim, 19, a UiTM Seri Iskandar student who is coping with the loss of her father, received a laptop during the ceremony.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KERAJAAN TERUS BELA NASIB VETERAN ATM: ADLY

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 2 MAC 2025

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kerajaan terus bela nasib veteran ATM: Adly

ALOR SETAR: Kerajaan terus membela nasib veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang hilang upaya akibat kecederaan semasa bertugas bagi memastikan nasib anak-anak mereka tidak terabai.

Timbalan Menteri Pertahanan Adly Zahari berkata, kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) memahami situasi mereka yang tidak lagi mampu bekerja dan sukar menyara keluarga terutama bagi menampung perbelanjaan

pendidikan anak-anak di peringkat tinggi.

“Kerajaan amat menghargai jasa dan pengorbanan veteran ATM. Justeru, Kementerian Pertahanan melalui JHEV telah menambah baik beberapa faedah antaranya melibatkan pendidikan anak-anak veteran. Julat Elaun Pelajaran Anak-Anak Penerima Pencen Hilang Upaya turut dinaikkan daripada RM200 hingga RM685 setahun kepada RM1,600 hingga RM5,400 setahun mengikut tahap pendidikan.

“Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 700 ke 800 peratus daripada kadar sebelum ini...apa sahaja kecederaan dialami mereka semasa bertugas, kerajaan perlu mengambil tanggungjawab sama ada terhadap veteran itu sendiri, keluarga mereka serta memastikan pendidikan anak mereka terjaga,” katanya selepas Majlis Penyampaian Ganjaran Hilang Upaya Veteran ATM Kedah di sini, semalam.

Pada majlis itu, 34 veteran ATM yang cedera sewaktu

melaksanakan operasi atau menjalani latihan berisiko tinggi menerima faedah Ganjaran Hilang Upaya (GHU) serta lapan penerima terdiri daripada anak veteran menerima sumbangan komputer riba.

Adly berkata, pemberian GHU kepada lebih 1,800 veteran ATM yang sepatutnya diselesaikan sebelum Ramadan ini, akan diselesaikan sebelum Aidilfitri berikutan beberapa kekangan dihadapi terutamanya melibatkan Sabah dan Sarawak. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ahmad Zahid lancar Garis Panduan Kampus Inklusif OKU UM

🕒 01 Mac 2025, 9:30pm



FOTO: Zahid Hamidi/ Facebook

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, hari ini melancarkan Garis Panduan Kampus Inklusif Orang Kurang Upaya (OKU) Universiti Malaya (UM-inOKU) yang bakal menjadi rujukan utama universiti awam (UA) dalam menguruskan keperluan pelajar dan staf OKU.

Universiti Malaya (UM) dalam kenyataannya memaklumkan garis panduan itu merangkumi aspek tadbir urus, pengajaran dan pembelajaran, perkhidmatan sokongan serta aksesibiliti persekitaran kampus.

Menurut UM, inisiatif itu akan diperkukuh dan dibawa ke peringkat ASEAN bersempena Kepengerusian Malaysia dalam ASEAN tahun ini.

Kenyataan itu turut memetik ucapan Ahmad Zahid yang menegaskan bahawa UM adalah satu-satunya universiti yang mengambil langkah proaktif dalam memperjuangkan hak serta kebajikan mahasiswa dan staf OKU.

Sementara itu, Naib Canselor UM, Prof Datuk Seri Dr Noor Azuan Abu Osman menekankan bahawa kecemerlangan institusi bukan sekadar kejayaan akademik, tetapi juga keupayaan mencipta persekitaran inklusif yang menyokong semua lapisan warganya.

"Dengan semangat mahabbah (kasih sayang), UM berusaha memastikan setiap warga kampus, termasuk pelajar dan staf OKU, memiliki peluang sama untuk berkembang serta menyumbang kepada masyarakat," katanya.

Garis panduan itu menjadi bukti komitmen UM dalam memastikan akses pendidikan lebih adil dan saksama, selain membangunkan ekosistem kampus yang mesra, terbuka dan inklusif.

Sehingga kini, UM menempatkan 98 pelajar dan 21 staf OKU, selain komuniti pelajar antarabangsa serta staf dari pelbagai latar belakang.

Garis panduan ini juga selari dengan teras keenam Malaysia MADANI, iaitu ihsan, yang menekankan nilai belas ihsan melalui pemberdayaan manusia.

Penekanan terhadap nilai ihsan ini turut sejajar dengan amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menegaskan bahawa prinsip itu perlu diterjemahkan dalam semua aspek kehidupan, termasuk sektor pendidikan tinggi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



OKU penglihatan desak kemudahan lebih mesra di LRT, kawasan awam



SITI AISYAH MOHAMAD

Follow

01 Mac 2025 03:29pm



Sarojini (kiri) dan Guan Fatt mendesak kerajaan menyediakan kemudahan lebih mesra di LRT, kawasan awam.

KUALA LUMPUR - Kekurangan kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU) penglihatan dan tahap keselamatan yang masih rendah menjadi cabaran terbesar untuk golongan itu.

Tinjauan Sinar Harian di sekitar Brickfields mendapati, rata-rata OKU penglihatan itu meluahkan rasa bimbang mengenai keselamatan diri susulan insiden lelaki buta yang maut selepas terjatuh di landasan dan digilis tren di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Titiwangsa baru-baru ini.

Seorang OKU buta, Sarojini Subramaniam, 55, berkata, walaupun dia sering menggunakan laluan sama setiap hari, namun kekurangan kemudahan menyebabkan pergerakan mereka terbatas.

Dia yang bekerja sebagai tukang urut turut mengakui terpaksa mengharapkan bantuan orang ramai dan polis bantuan sekiranya mahu menggunakan perkhidmatan LRT serta pengangkutan awam lain.

"Saya harap pihak berkuasa boleh tambah pagar keselamatan automatik pada setiap stesen LRT kerana kebanyakannya tiada. Kami tidak nampak sama ada tren lalu atau kami sebenarnya sudah dekat dengan landasan.

"Kadang-kadang ada polis bantuan dan orang ramai juga tolong tetapi selalunya tiada kerana mereka pun sibuk mahu bekerja atau pergi tempat lain, saya tidak mahu menyusahkan atau ganggu orang lain.

"Saya perlu berdikari sendiri untuk mencari rezeki, kadang-kadang jual tisu dan kacang di merata tempat untuk menyara diri kerana suami sudah meninggal dunia, jadi saya harap pihak berkuasa boleh mempertimbangkan perkara ini," katanya ketika ditemui Sinar Harian pada Sabtu.

Tambah Sarojini, sesetengah individu di ibu kota itu juga tidak menghiraukan laluan pejalan kaki OKU penglihatan sehingga menimbulkan kesukaran untuk bergerak dari satu destinasi ke destinasi lain.

Dalam pada itu, seorang lagi OKU buta yang juga tukang urut, Mun Guan Fatt, 37, berkata, meskipun berdepan dengan kesukaran untuk bergerak disebabkan buta, namun ia tidak mematahkan semangat untuk keluar mencari rezeki demi kelangsungan hidup.

Menurutnya, kekurangan yang dimiliki menyebabkan dia mengalami kesukaran untuk diterima dalam dunia pekerjaan menyebabkan terpaksa menjaja dan menjual barangan berhampiran stesen LRT.

"Saya sering duduk di sini (stesen LRT) kerana ini sahaja saya tahu dan memudahkan pergerakan saya selain tumpuan orang ramai untuk pergi bekerja kerana menggunakan pengangkutan awam.

"Saya tidak mahu mengharapkan simpati orang tetapi ini sahaja yang saya boleh lakukan untuk menyara hidup, kadang-kadang ada juga yang menipu kerana tak beri upah yang cukup tetapi saya anggap bukan rezeki saya.

"Kami tidak nampak dan penglihatan juga terbatas, jadi saya harap selepas ini pihak berkuasa dapat meningkatkan tahap keselamatan untuk golongan seperti kami lebih-lebih lagi dengan kejadian OKU buta yang maut digilis tren," ujarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perkasa strategi penglibatan wanita dalam sosial, ekonomi, politik

© March 1, 2025, Sabtu - 8:48am



ALBUM: Azidah bergambar kenangan bersama ahli-ahli jawatankuasa Meja Bulat dalam IDS.

KOTA KINABALU: Penyertaan wanita Sabah dalam sektor ekonomi, sosial dan politik masih lagi rendah dan memerlukan strategi serta perancangan kukuh bagi meningkatkan peranan golongan itu.

Pengerusi Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS), Datuk Seri Panglima Azidah Mohd Dun berkata, berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Disember 2024, penyertaan wanita dalam jawatan pengurusan meningkat kepada 25.4 peratus pada tahun 2023, berbanding 23.8 peratus pada tahun sebelum ini.

Berbanding di Sabah katanya, hanya 28 peratus jawatan Ahli Lembaga Pengarah dan CEO dalam syarikat GLC dipegang oleh wanita sekali gus memerlukan usaha yang lebih berstruktur dan terancang.

"Sebaliknya, 69.3 peratus daripada pemilik perniagaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) adalah wanita, menunjukkan dominasi wanita dalam sektor keusahawanan, namun masih terdapat pertindihan dalam pendaftaran usahawan wanita di bawah pelbagai agensi, yang menunjukkan keperluan untuk pangkalan data yang lebih sistematik bagi menyokong pertumbuhan perniagaan wanita secara lebih strategik.

"Meskipun statistik ini menunjukkan kemajuan, angka itu masih belum mencerminkan potensi sebenar wanita dalam kepimpinan sektor korporat dan ekonomi," katanya semasa berucap pada program Perbincangan Meja Bulat Mengenai Penglibatan Wanita di Peringkat Pengurusan Syarikat GLC dan Pemilikan Dalam Sektor Swasta dekat sini.

Hadir sama Ketua Bahagian Ekonomi Akar Umbi IDS, Masmidah Arshad wakil CEO Dr Ramzah Dambul dan ahli-ahli jawatankuasa Meja Bulat.

Azidah berkata, bagi memastikan perubahan yang lebih bermakna, usaha pemerkasaan wanita tidak boleh bergantung kepada inisiatif dalam sektor individu atau syarikat semata-mata tetapi komitmen yang berterusan di peringkat dasar dan polisi kerajaan.

Katanya, ia termasuk mewujudkan ekosistem yang lebih menyokong penyertaan wanita dalam kepimpinan.

"Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dalam memperkukuhkan kedudukan wanita sebagai pemimpin dalam sektor korporat dan profesional.

"Dalam Belanjawan 2025, beberapa inisiatif telah diperkenalkan bagi memperluaskan peluang wanita dalam sektor ini, termasuklah Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) yang bertujuan melahirkan lebih ramai pemimpin wanita dalam dunia korporat.

"Selain itu, inisiatif 'Returnship' juga diperkenalkan untuk membantu wanita yang ingin kembali ke dunia pekerjaan selepas berehat untuk menguruskan keluarga atau komitmen lain," katanya.

Tambahnya, beberapa strategi turut memerlukan komitmen daripada semua pihak khususnya pucuk pimpinan kerajaan seperti mengukuhkan dasar dan polisi bagi memastikan lebih ramai wanita dapat memegang jawatan strategik dalam syarikat GLC dan swasta.

Malah katanya, semua pihak perlu menyediakan lebih banyak program latihan dan mentorship yang membolehkan wanita membina kemahiran kepimpinan yang lebih kukuh.

"Begitu juga usaha mewujudkan polisi kerja fleksibel bagi menyokong keseimbangan antara kerjaya dan keluarga, bagi membolehkan wanita kekal produktif dalam pasaran kerja.

"Ia termasuk juga menggalakkan kesaksamaan gender dalam sektor korporat, termasuk memberi insentif kepada syarikat yang mengamalkan kepelbagaian dalam kepimpinan mereka," katanya.

Tegasnya, perubahan yang dihasratkan itu tidak mungkin berlaku dalam sehari, tetapi melalui usaha yang berterusan matlamat meningkatkan penyertaan wanita dalam sosial, politik dan ekonomi akan memperlihatkan hasilnya suatu hari nanti.

"Dengan mengambil inspirasi daripada inisiatif kerajaan dan suara pemimpin-pemimpin wanita, kita boleh mempercepatkan usaha untuk memastikan wanita mendapat tempat sewajarnya dalam kepimpinan kelak," katanya.